

31 Disember 2011

Agenda Bajet 2012 mula dilaksana

BERMULA 1 Januari 2012 kerajaan mula menguatkuasakan beberapa cadangan yang dibentangkan dalam Belanjawan 2012 antaranya penyediaan SME Revitalisation Fund oleh SME Bank yang menawarkan pinjaman mudah sehingga RM1 juta kepada usahawan untuk membangunkan perniagaan mereka.

Selain itu, kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bahagian majikan bagi pekerja bergaji kurang RM5,000 sebulan dinaikkan satu peratus kepada 13 peratus yang memberi manfaat kepada 5.3 juta rakyat Malaysia yang bekerja dengan 92 peratus atau kira-kira 4.9 juta pekerja adalah ahli aktif pencarum KWSP.

Kerajaan mencadangkan had maksimum harga rumah dinaikkan kepada RM400,000 daripada RM220,000 untuk menambah baik Skim Rumah Pertamaku yang dilancarkan pada Mac lalu. Penambahbaikan ini boleh dinikmati pembeli rumah melalui pinjaman bersama suami isteri.

Seterusnya, Skim Amanah Rakyat 1 Malaysia (Sara 1Malaysia) diperkenalkan kepada mereka berpendapatan isi rumah bulanan RM3,000 dan ke bawah. Pelabur SARA 1Malaysia boleh memohon pinjaman RM5,000 dengan tempoh bayaran balik lima tahun yang dikendalikan Perbadanan Nasional Bhd (PNB) dengan kerjasama institusi kewangan terpilih.

Ketua Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia, Datuk Dr Mahani Zainal Abidin berkata, Belanjawan 2012 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari ini ialah langkah kerajaan bagi membantu golongan berpendapatan rendah.